

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kolaborasi pintar dan penyelarasan tanggungjawab dan tugas di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Pendidikan dan Inovasi Sabah, apakah langkah-langkah Kementerian memastikan pembelajaran dalam talian di Sabah dapat dilaksanakan sepenuhnya terutama sekali selepas begitu banyak keluhan dalam perkara ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan kerana pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited untuk memastikan semua murid di seluruh negara tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh PKP. Bagi negeri Sabah, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah sentiasa mengadakan perbincangan bersama-sama Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan *Home-based Learning*, antaranya menggalakkan murid menggunakan kemudahan Pusat Internet Desa.

KPM juga akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* ini dari semasa ke semasa.

Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuklah pelaksanaan *Home-based Learning*. Antara usaha yang sedang dirancang adalah menggubal Modul Pelaksanaan *Home-based Learning* sebagai panduan untuk guru-guru, bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk menambah waktu siaran rancangan TV Pendidikan dan membimbing guru dalam memperkasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai aplikasi terkini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid. Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOE-DL, yang kemudiannya dikenali sebagai *Digital Education Learning Initiative Malaysia* (DELIMa). Melalui pelantar ini, murid dan guru boleh akses kepada aplikasi seperti Google Classroom dan Google Meet, Microsoft 365, Apple Teacher Learning Centre, buku teks digital, video PdP, kuiz dan video permainan pembelajaran. Selain itu, ibu bapa juga boleh akses EduwebTV dan CikgooTube untuk membantu dalam pembelajaran anak mereka di rumah.

Selain daripada itu, KPM juga berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam, termasuk juga murid di kawasan luar bandar dan pedalaman serta kumpulan murid B40. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan, rancangan radio pendidikan dan serahan bahan pembelajaran kepada murid.

KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuk pelaksanaan *Home-based Learning* dengan mengambilkira pandangan pelbagai pihak termasuk di peringkat negeri.

Sekian, terima kasih.